



# Haji dan Aidiladha Biokeselamatan

Februari 2024



## Maklumat penting tentang biokeselamatan

Makanan, bahan tumbuhan dan produk haiwan dari luar negeri boleh membawa masuk ke Australia antara haiwan perosak dan penyakit yang paling merosakkan di dunia. Hal ini boleh membinasakan persekitaran kita yang unik serta industri pertanian dan pelancongan kita yang berharga.

Jika anda pulang ke Australia selepas menunaikan Haji atau jika anda akan menyambut kedatangan pelawat dari luar negeri, pentinglah anda, keluarga anda dan pelawat anda tahu undang-undang biokeselamatan Australia yang tegas.

Jika anda dijangka akan menerima hadiah Aidiladha secara pos, minta keluarga dan kawan-kawan anda di luar negeri tentukan bahawa produk tersebut dibenarkan memasuki Australia sebelum mengeposnya. Label pengisytiharan pos pada barang pos mesti menyenaraikan semua kandungan dengan tepat supaya barang itu boleh dinilai di sempadan.

## Cara kami menghalang kemasukan barangan yang merisikokan biokeselamatan ke Australia

Bagasi dan barang pos antarabangsa dinilai untuk mengenal pasti barang-barang yang boleh membawa masuk haiwan perosak dan penyakit. Antara langkahnya ialah pegawai biokeselamatan menyoal perantau atau menyaring barangan dengan menggunakan sinar X, anjing pengesanan dan/atau pemeriksaan fizikal.

## Produk yang merisikokan biokeselamatan

Antara hadiah Aidiladha yang boleh merisikokan biokeselamatan ialah:

- daging segar, kering atau yang sudah dimasak
- air zamzam
- mambu
- tembakau mentah
- buah-buahan segar dan kering, termasuklah kurma, buah tin dan delima
- hasil tenusu, termasuklah kuih dan makanan pencuci mulut yang dibuat sendiri di rumah dengan bahan-bahan tenusu
- biskut, kek dan roti yang perlu disimpan sejuk atau yang mengandungi produk daging
- kekeras
- teh dan herba
- bijian dan kekacang, termasuklah beras, gandum, lentil, kacang kuda dan kacang.



## Bantu lindungi Australia daripada haiwan perosak dan penyakit

- Belilah hadiah Aidiladha di Australia.
- Sebelum membawa masuk atau mengedut sesuatu produk ke Australia, pastikan barang itu dibenarkan memasuki Australia dengan cara melayari [agriculture.gov.au/mailling-bringing-goods](http://agriculture.gov.au/mailling-bringing-goods).
- Minta keluarga dan kawan-kawan anda di luar negeri tentukan sama ada hadiah yang hendak dibawa atau diposkan itu dibenarkan memasuki Australia.

## Pergi ke Australia

Apabila anda pergi ke Australia, anda mesti:

- mengisytiharkan dengan jujur pada Kad Penumpang Masuk jika anda membawa makanan, bahan tumbuhan atau produk haiwan. Memberikan maklumat yang tidak benar atau yang mengelirukan ialah kesalahan yang berat. Kegagalan mengisytiharkan barang boleh mengakibatkan hukuman yang berat.
- menandakan “Ya” bagi apa-apa makanan, bahan tumbuhan atau produk haiwan yang mungkin anda bawa.

Jika anda kurang pasti, tandakan “Ya” pada Kad Penumpang Masuk anda untuk bercakap dengan pegawai biokeselamatan.

Anda harus menempatkan apa-apa produk, termasuklah hadiah, yang perlu diisytiharkan di bahagian teratas bagasi supaya mudah diperiksa oleh pegawai biokeselamatan.

Barang yang diisytiharkan mungkin perlu dirawat atau dieksport (atas belanja anda) atau dimusnahkan. Barangan yang tidak merisikokan biokeselamatan akan dipulangkan kepada anda.

Jika anda memberikan maklumat yang tidak benar atau yang mengelirukan kepada pegawai biokeselamatan ataupun pada Kad Penumpang Masuk anda, atau jika anda tidak menjawab soalan-soalan mengenai barangan yang berkenaan atau mematuhi arahan yang diberikan oleh pegawai biokeselamatan, anda mungkin:

- diberi notis pelanggaran
- tertakluk kepada prosiding hukuman sivil, dan/atau
- didakwa melakukan kesalahan jenayah.

Visa anda juga mungkin dibatalkan dan jika demikian, anda tidak akan dibenarkan memasuki Australia dan anda mungkin tidak boleh datang balik ke Australia setakat tiga tahun.

Anda tidak akan dihukum di bawah *Akta Biokeselamatan 2015* jika anda mengisytiharkan dan mengemukakan semua barangan, walaupun barangan itu tidak dibenarkan memasuki Australia.



Telefon 1800 900 090 atau  
+61 3 8318 6700 (dari luar Australia)



Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya:  
[agriculture.gov.au/travelling-mailing](http://agriculture.gov.au/travelling-mailing)

Facebook: Australian Biosecurity  
Instagram: @australianbiosecurity